

**PEKELILING KETUA PENGARAH GALIAN MALAYSIA
BILANGAN 1/2018**

**PENAMAAN DAN FORMAT SURAT KELULUSAN SKIM PENGENDALIAN
MELOMBONG (SKSPM) SERTA PROSEDUR KELULUSAN SKIM
PENGENDALIAN MELOMBONG BAGI TUJUAN PERMOHONAN
MELAKSANAKAN KERJA PEMBANGUNAN DAN PERLOMBONGAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pengarah Galian (PG) dan Penolong Pengarah Galian (PPG) mengenai kaedah penamaan dan format serta prosedur kelulusan bagi Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) ke atas permohonan melaksanakan kerja pembangunan dan perlombongan di negeri masing-masing yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Ketua Unit Lombong dan Kuari (KULK) bilangan 1/2018 pada 26 Februari 2018.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Ketua Unit Lombong dan Kuari (KULK) bilangan 1/2018 pada 26 Februari 2018 telah bersetuju untuk melaksanakan penambahbaikan bagi kaedah pengeluaran SKSPM yang diluluskan oleh Pengarah Galian (PG) menurut peruntukan di bawah Seksyen 10, Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM 1994) bagi tujuan penyelarasan dan sebagai langkah proaktif jabatan untuk meningkatkan tadbir urus dan integriti dalam pembangunan perlombongan dan pemprosesan sumber mineral negara.
- 2.2 Pada masa ini, semua kelulusan bagi skim pengendalian melombong hanya dibuat oleh PG dan proses penyediaan laporan dan pemeriksaan tapak lombong diselaraskan oleh PPG bersama kakitangan Unit Lombong dan Kuari yang lain.
- 2.3 Berdasarkan pemerhatian, didapati berlaku ketidakseragaman di dalam penamaan surat kelulusan di mana terdapat negeri yang menamakan surat kelulusan sebagai "*Surat Kebenaran Skim Pengendalian Melombong*" manakala di negeri lain pula menamakan sebagai "*Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong*". Perbezaan ini boleh menyebabkan berlaku kekeliruan kepada industri perlombongan dan pemprosesan mineral.

3.0 PENAMAAN DAN FORMAT SKSPM

3.1 Nama bagi surat kelulusan ini telah diputuskan sebagai:

- a) **Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM)** atau
- b) **Approval Letter of Operational Mining Scheme (ALOMS)**

3.2 Nama tersebut hendaklah digunakan bagi merujuk kepada sebarang urusan berkaitan APM 1994.

3.3 Format Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) adalah sepertimana di **Lampiran A**. Syarat-syarat kelulusan adalah tertakluk kepada kesesuaian teknikal di lombong dan mengambil kira amalan terbaik di dalam bidang perlombongan dan tidak terhad kepada cadangan di dalam Pekeliling sahaja.

4.0 **PROSEDUR KELULUSAN SKIM PENGENDALIAN MELOMBONG**

4.1 Satu Jawatankuasa Penilaian Teknikal Skim Pengendalian Melombong hendaklah dibentuk bagi tujuan menilai kebolehlaksanaan skim pengendalian melombong yang dikemukakan oleh pemegang tenement mineral samada bagi permohonan baharu atau pembaharuan.

4.2 Keahlian Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah berbeza mengikut kategori lombong iaitu Lombong Sensitif dan Lombong Tidak Sensitif.

4.3 Takrifan bagi lombong sensitif adalah seperti berikut:-

a) Yang melebihi mana-mana had pengeluaran berikut:

- (i) dalam hal pengambilan mineral dari deposit aluvium primer, pengeluaran tahunan 3.5 juta meter padu setahun;
- (ii) dalam hal operasi perlombongan bawah tanah, pengeluaran bijih lombong gabungan tahunan, pengeluaran sisa dan overburden sebanyak 100,000 tan setahun (bahan buangan yang tidak keluar dari mulut lombong adalah dikecualikan); atau
- (iii) dalam hal operasi perlombongan dedah yang mengekstrak galian daripada deposit primer bukan logam, pengeluaran bijih lombong gabungan tahunan, sisa dan penghasilan tambahan sebanyak 300,000 tan setahun;

c) Dengan modal dan pelaburan infrastruktur melebihi seratus lima puluh juta ringgit;

d) Dengan lebih daripada 250 pekerja atau pekerja di tapak lombong pada hari biasa (termasuk semua syif); atau

e) Yang menggunakan mana-mana amalan perlombongan yang berikut:

- (i) penggunaan meletup yang meluas dan berterusan;
- (ii) litar pengapungan berterusan; atau
- (iii) penggunaan bahan kimia atau agen toksik yang meluas dan berterusan.

f) Jarak kawasan kerja atau loji pemprosesan yang terlalu berhampiran (kurang dari 500 meter) dari penempatan penduduk dan harta benda awam,

4.4 Takrifan bagi lombong tidak sensitif adalah selain dari para 4.3.

4.5 Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal:

a) Lombong Sensitif

- | | | |
|-------|---|--------------|
| (i) | Pengarah JMG, | - Pengerusi |
| (ii) | Pengarah Galian/
Timbalan Pengarah Lombong dan Kuari | - Setiausaha |
| (iii) | Pengarah/Wakil Pejabat Tanah dan Galian/
Jabatan Tanah dan Survei/Jabatan Tanah
dan Ukur, | - Ahli |
| (iv) | Pengarah/Wakil Jabatan Alam Sekitar/
Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar/
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, dan | - Ahli |
| (v) | Pengarah/Wakil dari Jabatan teknikal yang
lain jika perlu | |
| (vi) | Unit Lombong dan Kuari | - Urusetia |

b) Lombong Tidak Sensitif

- | | | |
|-------|---|--------------|
| (i) | Pengarah JMG, | - Pengerusi |
| (ii) | Pengarah Galian/
Timbalan Pengarah Lombong dan Kuari | - Setiausaha |
| (iii) | Timbalan Pengarah Sumber Mineral | - Ahli |
| (iv) | Unit Lombong dan Kuari | - Urusetia |

4.6 Fungsi Jawatankuasa Penilaian Teknikal

- a) Selepas Pengarah Galian (Setiausaha) menerima laporan cadangan skim pengendalian melombong, hendaklah dengan seberapa segera menetapkan tarikh bagi Jawatankuasa Penilaian Teknikal mengadakan pemeriksaan tapak dan mesyuarat.
- b) Pemegang Tenemen/wakil dan Jurutera Perunding Perlombongan/Sumber Mineral (Prinsipal Konsultan) adalah diwajibkan hadir semasa sesi pemeriksaan tapak.
- c) Pengerusi hendaklah memperuntukkan satu slot khas kepada Pemegang Tenemen/wakil dan Jurutera Perunding Perlombongan/Sumber Mineral (Prinsipal Konsultan) bagi tujuan pembentangan cadangan skim pengendalian melombong kepada jawatankuasa sebelum mesyuarat dimulakan.
- d) Pengarah Galian dalam tempoh dua (2) minggu selepas Mesyuarat hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pemegang Tenemen setiap keputusan samada lulus, tolak atau penambahan maklumat terhadap permohonan SKSPM dan hendaklah disalinkan kepada Ketua Pengarah Galian, Jurutera Perunding Melombong/Sumber Mineral dan Jabatan teknikal yang terlibat.

- e) Jawatankuasa juga hendaklah menetapkan tempoh kelulusan SKSPM antara minima 2 tahun hingga maksima 5 tahun berdasarkan kepada kesesuaian teknikal dan cadangan lain di dalam laporan skim pengendalian melombong.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 5.1. Pekeliling ini hendaklah dipatuhi oleh semua Pengarah Galian dan berkuatkuasa serta merta.
- 5.2. Semua perkara di dalam Pekeliling ini hendaklah merujuk dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pembangunan Mineral 1994.
- 5.3. Pejabat JMG negeri adalah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pekeliling ini.



(DATUK HJ. SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI)

Ketua Pengarah Galian

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Bertarikh: 5. 3. 2018